Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda منبر نخودا

BIL: 17/26 SYAWWAL 1435H/22 OGOS 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

Orang Yang Cinta Bertemu Allah Dan Yang Benci MenemuiNya

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلىَّ اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَمَ قَالَ: مَنْ أَحَبُّ لِقَاءَ اللهِ أَحَبَّ اللهُ لِقَاءَهُ وَمَنْ كِرَهَ لِقَاءَ اللهِ كِرَهَ اللهُ لِقَاءَهُ قَالَتْ عَائِشَةُ أَوْ بَعْضُ أَزْوَاجِهِ: إِنَّا لَنَكْرَهُ الْمَوْتَ قَالَ: لَيْسَ ذَاكِ وَلَكِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا حَضَرَهُ الْمَوْتُ بَشِّرَ بِرِضْوَانِ اللهِ وَكَرَامَتِهِ فَلَيْسَ شَيْءٌ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا أَمَامَهُ فَأَحَبَّ لِقَاءَ اللهِ وَأَحَبَّ اللهُ لِقَاءَهُ وَإِنَّ الْكَافِرَ إِذَا حُضِرَ بُشِّرَ بِعَذَابِ اللهِ وَعُقُوبَتِهِ فَلَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَهَ إِلَيْهِ مِمَّا أَمَامَهُ فَكَرِهَ لِقَاءَ اللهِ وَكَرِهَ اللهُ لِقَاءَهُ. (مختصر ابن ابي جمره)

Daripada ‘Ubadah bin Ash-Shamit Radhiyalllahu’anhu, daripada junjungan Nabi Shallallhu ‘Alaihi Wasallam telah bersabda: “Siapa yang suka bertemu Allah nescaya Allah suka bertemunya dan sebaliknya pula siapa yang benci bertemu Allah nescaya Allah benci bertemunya”, maka berkata ‘Aisyah atau berkata setengah isteri junjungan Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wassalam: “Sungguhnya kami benci mati.” Maka Baginda pun bersabda: “Bukanlah yang demikian sebagaimana yang engkau faham bahawa bertemu Allah itu mati tetapi orang yang Mukmin itu apabila datang kepadanya kematian, digembirakannya dengan Keredhaan dan Kemuliaan Allah Subhanahu Wa Ta’ala. Maka pada masa itu, tiadalah sesuatu apa pun yang teramat kasih kepadanya daripada apa yang ada di hadapannya, maka dia suka bertemu dengan Allah dan Allah Subhanahu Wa Ta’ala suka bertemu dengannya dengan diberikan kepadanya NikmatNya. Dan terhadap orang yang Kafir, apabila didatangkan kematian kepadanya, digembirakannya dengan azab Allah Subhanahu Wa Ta’ala dan seksaanNya, maka pada masa itu, tiadalah sesuatu pun yang teramat benci kepadanya daripada apa yang di hadapannya, maka dia benci bertemu Allah dan Allah Subhanahu Wa Ta’ala benci bertemu dengannya, oleh sebab ini diberikan kepadanya azab.” [Mukhtasar Ibnu Abi Jamrah]

KETERANGAN

Bertemu dengan Allah yang dikehendaki dalam hadits ini bukanlah mati tetapi ialah dengan `amalan yang menyampaikan kepada bertemu Allah dan mendapat balasannya. Menurut ‘A`isyah Radhiyallahu`anha bahawa dikehendaki dengan bertemu Allah itu ialah mati sebab itu diterangkan bahawa, dalam Hadits yang lain ada diterangkan bahawa apabila Allah Subhanahu Wa Ta`ala berkehendak dengan seorang hamba akan kebaikan, maka sebelum kematiannya didatangkan kepadanya seorang Malaikat yang menggiatkan dirinya umtuk mengerjakan ke ta`atan, kemudian sehingga dikatakan ia adalah seorang hamba yang mati dalam keadaan beriman, dan ketika matinya itu ia melihat pahala keta`atan dan pengakhiran dirinya, maka sejak itu ia suka dan kasih bertemu Allah, dan Allah Subhanahu Wa Ta`ala suka dan kasih bertemunya.

Dan apabila Allah berkehendak dengan seseorang hamba itu kejahatan, di datangkan syaitan sebelum kematiannya untuk menyesatkan dan mendatangkan fitnah kepadanya, sehingga dikatakan ia mati dalam kekufuran, lalu ketika matinya ia melihat apa yang disediakan oleh Allah Subhanahu Wa Ta`ala kerana kekufurannya iaitu `azab dan keluh-kesahlah dirinya, maka kerana itu ia benci untuk bertemu Allah dan Allah benci untuk bertemunya. Oleh itu siapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka tidak ada yang dapat menyesatkannya , Dan siapa yang disesatkan oleh Allah, maka tidak ada yang dapat menunjukinya, Siapa yang diberi petunjuk (hidayat) oleh Allah, maka ialah yang mendapat petunjuk hidayat, dan siapa yang disesatkan oleh Allah, maka tidak akan sesiapapun dapat memberi pelindung atau dapat memimpinnya., maka semua itu hanya Kurniaan dari Allah Subhanahu Wa Ta`ala semata-mata.

Tanda Allah suka dan kasih bertemu dengan hambaNya ialah dengan memberikan Taufiq dan HidayahNya kepada seseorang yang dikehendakiNya dengan disibukkan hamba itu dengan amal perbuatan taat, tetapi diputuskan daripada rasa ujub dan bangga diri dengan amalannya itu dan merasakan bahawa amalan keta`atan itu hanya dari kerana kurniaan Allah Subhanahu Wa Ta`ala.semata-mata.

Ghazwah Ahzab Perang Khandak

Pada 18 Syawal 5 Hijrah telah berlaku Perang Khandak atau dikenali sebagai Ghazwah Ahzab. Faktor berlaku Perang Khandak ialah orang-orang Yahudi setelah melihat kemenangan Musyrikin di dalam Perang Uhud mendorong pembesar Yahudi seperti Salam bin Ubai Al-Haqiq dan lainnya telah keluar menemui pemimpin Quraisy di Makkah menggalakkan mereka untuk memerangi Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dan berjanji untuk bersama mereka dan menolong mereka, lalu Musyrikin Makkah menyahut tawaran mereka. Kemudian mereka keluar menemui pemimpin Ghatfan dan mereka turut menyahutnya. Kemudian mereka menemui kabilah-kabilah Arab dan mengajak mereka berperang. Setengah dari mereka bersetuju untuk berperang.

Tentera Quraisy dipimpin oleh Abu Sufyan bersama 4,000 tentera dan disertai oleh Bani Sulaim, Bani Asad, Bani Fazarah, Bani Asyja’ dan lainnya sehingga jumlah tentera Musyrikin seramai 10,000 orang. Justeru, Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah bermesyuarat dengan Para Shahabat bagi menghadapi situasi ini. Lalu Salman Al-Farisi telah mencadangkan supaya menggali parit yang memisahkan antara musuh dan Kota Madinah. Dengan itu Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah memerintahkan kaum Muslimin segera melakukan kerja-kerja penggalian. Bahkan Baginda sendiri turut bekerja keras bersama-sama kaum Muslimin. Beberapa peristiwa luar biasa telah belaku semasa penggalian yang menunjukkan tanda Kenabian seperti yang diriwayatkan secara Mutawatir.

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah keluar ke Khandak seramai 3,000 orang tentera. Kedudukan tentera Islam ketika itu menjadikan bukit di sebelah belakang dan parit di sebelah hadapan. Kaum wanita dan anak-anak berkumpul di Madinah. Selepas sebulan Kota Madinah dikepung tentera Musyrikin, lalu Allah telah mendatangkan pertolonganNya dengan mengutuskan tentera dan ribut yang menjadi sebab kemenangan yang besar kepada tentera Muslimin. Dengan itu juga turun Surah Al-Ahzab. Berlaku mulai Syawal sehingga awal Zulqaedah tahun ke-5 Hijrah. Peristiwa ini mudah diingati kerana setiap kali tiba Hari Raya, kita sentiasa melaungkan lafaz Ahzab: ”Dan Dialah Allah yang memenangkan tenteraNya serta mengalahkan tentera Ahzab.” Perang Ahzab yang bererti pertempuran dengan tentera bersekutu, juga dikenali dengan nama Perang Khandak yang bererti parit sempena saliran yang dibina oleh tentera Islam sebagai kubu. Ia berlaku selepas Yahudi Bani Nadhir dihalau oleh Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dari Kota Madinah kerana cuba membunuh Baginda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam.

Tentera bersekutu Kuffar seramai 10,000 orang yang tiba ke tempat peperangan terkejut apabila mendapati parit digali tentera Islam. Ia adalah pengalaman strategi berperang yang baru kepada mereka. Tentera Islam yang hanya berjumlah 3,000 orang mampu bertahan. Pertempuran besar tidak berlaku dalam peperangan ini. Hanya enam tentera Islam yang Syahid manakala 10 tentera Musyrikin dibunuh. Akhirnya, Allah mendatangkan kemenangan dengan ribut pasir yang menyebabkan tentera musuh berundur. Berlaku juga kacau-bilau antara mereka apabila pengintip yang dihantar Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam berjaya melonggarkan kepercayaan antara tentera Ahzab. Nama Perang Khandak ini diambil sempena peristiwa Ummat Islam bersama-sama Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah menggali parit di sekeliling Madinah untuk menghalang tentera Kuffar dari melanggar Madinah. Dan dinamakan juga sebagai Perang Ahzab yang membawa erti bersekutu kerana beberapa puak Quraisy telah bergabung termasuklah beberapa puak Yahudi telah membentuk satu pakatan tentera bersekutu untuk melanggar Madinah dan memerangi Ummat Islam. Peperangan ini berakhir dengan kemenangan tentera Islam dengan bantuan Allah Subhanahu Wa Ta’ala.

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

‘AQIDAH BERKAITAN QADHA DAN QADAR

Dan orang yang bertuah ialah orang yang bertuah dengan menurut Qadha ketentuan Allah Ta`ala. Dan orang yang celaka ialah orang yang celaka dengan menurut Qadha allah Ta`ala. Dan asal kadar Taqdir adalah rahsia Allah Ta`ala pada makhluk ciptaanNya, Para Malaikat Muqarrabin pun tidak akan dapat melihat atas perkara tersebut dan begitu juga dengan Para Nabi yang diutus itu.

Dan Ta`ammuq mendalami dan mengkaji mengenai Qadha dan Qadar adalah jalan perantaraan yang membawa kepada kehinaan, dan merupakan tangga yang menyekat Rahmat, dan merupakan suatu darjat yang keterlaluan. Maka awasilah dengan sebaik-baiknya dari pandangan, fikiran, dan sangkaan was-was hati yang sedemikian. Taqdir adalah dalam `Ilmu Allah Ta`ala, kerana sesungguhnya Allah Ta`ala telah menyembunyikan `ilmu pengetahuan berkenaan Taqdir dari makhlukNya dan Dia telah melarang mereka dari mencarinya.

Barangsiapa bertanya: “Kenapa Dia telah melakukan demikian?”.Maka sesungguhnya orang itu telah menolak keputusan Hukum Kitab Al-Quran, dan barangsiapa yang menolak Hukum Kitab Al-Quran adalah golongan orang-orang Kafirin.

Maka ini adalah sejumlah himpunan perkara apa yang diperlukan terhadapnya oleh sesiapa yang dicerahkan hatinya dari kalangan Para Awliya Allah Ta`ala. Dan ianya adalah Darjat Para Rasikhin iaitu orang-orang yang teguh dalam ilmu pengetahuan.[Al-`Aqidah Ath-Thahawiyyah]

TOKOH ISLAM IMAM ABU MANSHUR MATURIDI

Nama sebenarnya Abu Manshur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud Al-Maturidi As-Samarqandi Al-Hanafi merupakan salah seorang ‘Ulama Ahli Sunnah Wa Jama’ah, Ahli Ilmu Kalam dan Imam aliran ‘Aqidah Maturidiyyah yang dianuti oleh sebahagian besar pengikut Mazhab Hanafi. Beliau berketurunan Tajik dan dilahirkan pada tahun 853M di Maturid, sebuah mukim di Kota Samarqand yang kini termasuk dalam wilayah Uzbekistan.

Dalam bidang Ilmu Agama, beliau menuntut ilmu melalui Abu Nashr Ahmad bin ‘Abbas bin Hussain Al-‘Iyadhzi, Abu Bakar Ahmad bin Ishaq bin Shalih Al-Juzjani, Nusayr bin Yahya Al-Balkhi dan Qadhi Al-Qudat Muhammad bin Muqatil Ar-Razi. Abu Bakar Ahmad Al-Juzjani adalah guru dan sahabatnya yang merupakan murid kepada Abu Sulaiman Musa bin Sulaiman Al-Juzjani yang merupakan murid kepada Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad Asy-Syaibani. Muhammad bin Muqatil juga pernah belajar daripada Imam Muhammad Asy-Syaibani. Beliau menguasai Ilmu Ushuluddin, Ilmu Tafsir Al-Quran dan Ilmu Fiqh. Di zamannya telah timbul permusuhan di kalangan Ummat Islam yang berbeza fahaman ‘Aqidah khasnya dari puak Mu’tazilah dan Syiah. Para ‘Ulama Ahli Sunnah adalah mengikut pegangan ‘Aqidah Imam Abu Hanifah.

Imam Maturidi di Samarqand dan dua tokoh ‘Ulama Sunni di Iraq dan Mesir telah menuliskan kitab dan risalah bagi mempertahankan pegangan ‘Aqidah Islam yang suci serta mensyarahkan ajaran ‘Aqidah yang dipegang oleh Imam Abu Hanifah. Dua tokoh yang dimaksudkan ialah Imam Abul Hassan Al-Asy’ari di Iraq dan Imam Ahmad bin Muhammad Ath-Thahawi di Mesir. Dalam isu Sifat-sifat Allah, Imam Maturidi telah menambah dengan Sifat-sifat Ma’nawiyyah iaitu sifat yang menjadi penguat kepada Sifat Ma’ani. Jika mengikut kaedah Imam Abul Hassan Al-Asy’ari hanya 13 Sifat, tetapi jika mengikut kaedah Imam Abu Manshur Al-Maturidi terdapat 7 Sifat Ma’nawiyyah sebagai tambahan. Atas dasar untuk meraikan kedua-dua ‘Ulama ini, maka menjadilah kesemuanya 20 Sifat yang wajib bagi Zat Allah Ta’ala.

Di antara Mazhab Imam Maturidi dan Imam Asy’ari terdapat beberapa kesamaan dalam hal kaedah dan Usul Mazhab. Beliau membawa pembaharuan dalam pengkajian ‘Aqidah dengan memasukkan hujjah-hujjah logik akal semasa menghadapi perkembangan fahaman baharu yang timbul pada zamannya di samping bergantung kepada Nash Al-Quran dan Al-Hadits. Beliau wafat pada 944M atau 333H.

Al-Hafizh Abu Daud As-Sajastani Sahib As-Sunan

Beliau ialah Sulaiman bin Al-Asy’as bin Ishaq bin Basyir Al-Azdi As-Sajastani seorang Hafizh dalam bidang Hadits dan pengarang kitab Hadits “Sunan Abu Daud”. Beliau dilahirkan pada tahun 202 Hijrah. Beliau seorang pemaaf, baik hati dan warak. Di antara guru yang beliau telah hirup ilmu dan mengambil Hadits ialah Imam Bukhari. Ada ‘Ulama mengatakan tentangnya: “Lembutnya sikap berhati-hati Abu Daud dalam meriwayatkan Hadits seakan-akan Nabi Daud melembutkan besi.” Kitab beliau menunjukkan hal ini iaitu seakan-akan “besi”. Menurut Al-Hafizh Az-Zahabi: “Imam Abu Daud seorang yang mengetahui selok-belok dan keindahan di dalam Hadits.” Beliau merupakan di antara tokoh Fuqaha yang pintar, bersahabat dengan Imam Ahmad, mengikuti pengajiannya untuk tempoh lama dan kerap bertanya soalan-soalan yang rencam berkaitan perkara Furu’ dan Ushul. Imam Abu Daud telah menghimpunkan Hadits di dalam kitab Sunannya sebanyak 5274 Hadits. Keprihatinan beliau terhadap kitab ini terbukti dengan mengumpulkan Hadits-hadits yang sering dijadikan dalil oleh Para Fuqaha dan diulang-ulang di kalangan mereka. Ramai Para ‘Ulama dari satu zaman ke zaman yang lain menggunakan himpunan Hadits di dalam kitab beliau sebagai sandaran hukum dan menamakan Hadits-hadits ini sebagai Hadits hukum. Beliau wafat di Basrah pada hari Jumaat 15 Syawwal tahun 275H.

PERANG HUNAIN

Perang Hunain terjadi pada 3 atau 7 Syawal tahun kelapan Hijrah, 15 hari setelah peristiwa Pembukaan Kota Makkah. yang tertumpu di Lembah Hunain iaitu suatu lembah bersebelahan Zul Majaz. Jarak dengan Mekah sejauh 27km yang terletak berdekatan dengan Arafah. Bilangan tentera muslimin seramai 12,000 orang yang menggabungkan 10,000 dari Madinah dan 2,000 dari Mekah. Selepas Perang Uhud, Ummat Islam sekali lagi telah mendapat pengajaran yang amat bernilai iaitu kuantiti bukan faktor utama kemenangan. Semasa Perang Hunain, diriwayatkan jumlah Ummat Islam yang turut sama ikut keluar berperang tidak kurang dari 10,000 orang dan tentera Kuffar hanyalah 2 puak kecil yang masih degil menentang Islam iaitu Bani Hawazan dan Bani Tsaqif. Dengan jumlah tentera yang ramai, Ummat Islam sudah mula berasa bongkak dan takabbur sehingga lupa tentang pertolongan Allah, lalu Allah telah menguji tentera Islam dengan jebakan helah tentera musuh dan tentera Islam telah termasuk perangkap sehingga berlaku kacau-bilau dan ramai yang melarikan diri. Tentera Islam terpaksa berundur dan menyusun strategi dan bertahan sehinggalah Allah mengurniakan kemenangan untuk tentera Islam.

Kejayaan Islam dalam Fatah Makkah telah mencetuskan kemarahan kabilah-kabilah Arab yang berdekatan Makkah, lalu mereka bangkit memerangi Islam yang dipelopori Bani Hawazin dan Bani Tsaqif. Para pemimpin kabilah-kabilah ini telah berkumpul dan bersetuju menyerahkan kepimpinan kepada Malik bin Auf Sa’id dari kabilah Hawazin. Mereka juga bersetuju berjalan kaki untuk memerangi tentera Muslimin. Segelintir tentera Muslimin timbul perasaan Ghurur setelah melihat jumlah mereka lebih ramai dari sebelumnya dan kedudukan mereka lebih kuat dari musuh. Dalam hal ini Allah mengungkapkan dalam firmanNya:

“Sesungguhnya Allah telah menolong kamu (hai para mukminin) di medan peperangan yang banyak, dan (Ingatlah) peperangan Hunain, yaitu diwaktu kamu menjadi congkak Karena banyaknya jumlah (mu), Maka jumlah yang banyak itu tidak memberi manfaat kepadamu sedikitpun, dan bumi yang luas itu Telah terasa sempit olehmu, Kemudian kamu lari kebelakang dengan bercerai-berai. Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman, dan Allah menurunkan bala tentara yang kamu tiada melihatnya, dan Allah menimpakan bencana kepada orang- orang yang kafir, dan Demikianlah pembalasan kepada orang-orang yang kafir. (At-Taubah: 25-26)

Dalam suasana berkecamuk akibat diserang hendap musuh yang bersembunyi di balik bukit menyebabkan ramai tentera Islam bertempiaran lari namun terbukti keteguhan dan keberanian nabi saw. Baginda maju ke hadapan.. mendekati barisan kuffar sambil memanggil dengan suara yang kuat: “Saya nabi bukan pendusta saya anak Abdul Mutalib”. Kemudian datang pertolongan Allah dengan ribut dan tentera yang tidak kelihatan. Inilah kurniaan Allah kepada rasulNya dan para mukminin. Pertempuran antara Nabi Muhammad dan pengikutnya melawan kaum Badui dari suku Hawazin dan Tsaqif pada tahun 630 M atau 8 H, dari Mekkah ke Thaif. Pertempuran ini berakhir dengan kemenangan mutlak bagi kaum Muslimin, yang juga berhasil memperoleh rampasan perang yang banyak. Pasukan Muslimin saat itu 12,000 orang, terdiri dari 10,000 Muslim yang turut serta dalam penaklukan Makkah, ditambah 2,000 orang Quraisy Mekkah yang baru masuk Islam. Perang ini terjadi sekitar dua minggu setelah penaklukan Makkah, atau empat minggu setelah Muhammad meninggalkan Madinah.

SIRI PEDANG RASULULLAH SHALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM

AL-QADHIB

Pedang ini dimiliki oleh Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dan bentuknya sangat nipis. Al-Qadhib bererti tongkat atau kayu dan sangat ringan serta mudah untuk dibawa. Pedang seperti ini biasanya digunakan untuk mempertahankan diri atau sebagai peneman ketika dalam permusafiran. Disebutkan dalam kitab-kitab sejarah bahawa Baginda tidak pernah menggunakan pedang ini di medan peperangan.

Pedang ini panjangnya 100cm dan pemegangnya menjulang lurus. Sarungnya diperbuat daripada kulit binatang. Adapun lingkaran pemegang pedang ini dihiasi dengan emas yang terlukis di atasnya gambaran bunga-bungaan. Pedang ini bermata dua dan hujungnya runcing serta tajam. Sisi mata pedang ini diperbuat daripada perak dan di atasnya tertera Kalimah Syahadah yang bermaksud ***“Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad Rasulullah: Muhammad bin ‘Abdullah bin ‘Abdul Muthalib”.*** Berat pedang ini ialah 930 gram dan 1684 gram bersama sarungnya.

Pedang ini sentiasa berada di rumah Baginda sehingga Baginda wafat. Para Khalifah Fatimiyyah di Mesir pernah menggunakan pedang ini ketika istiadat tertentu. Sekarang pedang ini disimpan dengan baik di Muzium Topkapi, Istanbul, Turki.